

KEJOHANAN MASUM

# Skuad UiTM juara futsal

Oleh Wan Asrudi Wan  
Hasan  
wanasr@hmetro.com.my

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) bangkit daripada ketinggalan untuk mengejutkan juara bertahan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 8-4 dalam saingan akhir, futsal, Kejuhanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang berlangsung di Sports Unlimited, Petaling Jaya semalam.

UiTM yang ketinggalan 3-1 pada babak pertama permainan bangkit di separuh masa kedua untuk mengikat kedudukan 4-4 sehingga tamat saingan sebenar perlawanan. Kedudukan seri itu memaksa permainan dilanjutkan sehingga 10 minit tambahan masa untuk membolehkan UiTM menggandakan empat lagi jaringan.

Jurulatih UiTM, Nazri Sukir menyifatkan kemenangan itu berpunca daripada semangat juang dan komitmen tinggi yang ditunjukkan barisan pemainnya walaupun di atas kertas peluang kedua-dua pasukan

Metro 17/05/06 (M-347)



**MILIK KAMI... Kontinjen UiTM muncul juara keseluruhan acara silat Kejuhanan Masum di Shah Alam, semalam.**

agak seimbang.

"Kita kehilangan khidmat 'mastermind' iaitu, Zuraidi (Othman) dan Saifullah (Norizan) yang dihimpit masalah kecederaan dan pengantungan tetapi rombak di beberapa bahagian ternyata membuahkan hasil buat pasukan. Selepas berakhir separuh masa pertama, saya menyarankan kepada pemain supaya lebih fokus kepada permainan.

"Ternyata peluang menyamakan kedudukan akhirnya hadir juga dalam babak kedua selepas seorang daripada pemain UIAM dilayangkan kad merah sekali gus menyebabkan lawan mula hilang tumpuan. Pemain ternyata memanfaatkan peluang tersebut dengan berkesan seka-

li," katanya.

Saingan tempat ketiga menyaksikan Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat kemenangan tipis ke atas, Universiti Utara Malaysia (UUM), 5-4.

Sementara itu, aksi silat turut dikuasai kontinjen UiTM yang dinobatkan juara keseluruhan atas kejayaan merangkul lapan emas, satu perak dan lapan gangsa dalam dua kategori sukan tempur yang dipertandingkan iaitu silat seni dan silat olahraga.

Pencabar terdekat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hanya berjaya memenangi empat emas, tiga perak dan dua gangsa manakala ketiga, Universiti Malaya (UM) meraih satu emas, satu perak dan enam gangsa.